

CNS1425

U GB 03-06 00187 BH156

bah

Mahathir - Halaman (Bergambar)

HEBAHKAN YANG POSITIF MENGENAI MALAYSIA, KATA DR M

I

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan harapan agar sektor korporat memainkan peranan yang aktif dalam menghebahkan perkara positif mengenai negara di luar negara untuk menarik pelaburan asing.

Perdana Menteri berkata berdasarkan semangat Persyarikatan Malaysia, mereka hendaklah berusaha ke arah menyediakan maklumat mengenai keadaan sebenar di Malaysia.

"Kita perlu beritahu kepada dunia bahawa Malaysia adalah pusat industri berteknologi tinggi yang menarik dan Malaysia adalah rakan kongsi yang baik dalam bidang teknologi untuk terus mempunyai daya saing," katanya ketika melancarkan halaman sisipan mengenai Malaysia bagi edisi dunia majalah Scientific American.

Edisi khas untuk keluaran April tahun depan majalah itu yang bertajuk "Daya Kompetitif Teknologi Malaysia Ke Arah 2020" akan memberi tumpuan kepada kapasiti dan kemampuan teknikal Malaysia.

Selain itu, beliau berkata usaha hendaklah dibuat untuk memberitahu dunia bahawa Malaysia boleh menyediakan faedah dan insentif lain, mempunyai tenaga kerja yang mahir dan kebolehan saintifik, dan kumpulan kerja yang mempunyai budaya kerja yang positif. -- Lagi

▼03/06/17-55MST

R GB 03-06 00149 BH157

bah

Mahathir - Halaman 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata bahawa terdapat banyak insentif fiskal ditawarkan kepada syarikat untuk meningkatkan kebolehan teknikal pekerja dan bagi pembangunan barangan di samping jenis penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Kerajaan juga mahu menghapuskan sekatan terhadap pengambilan kakitangan dan pakar teknikal asing R&D walaupun adalah lebih baik mengambil pekerja Malaysia sendiri kerana mereka juga mempunyai kecekapan yang setanding dan ia lebih murah," katanya.

Dr Mahathir menyokong inisiatif untuk menghebahkan kemampuan dan keupayaan teknologi Malaysia yang selama ini adalah satu rahsia.

Mengenai kejayaan syarikat-syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia sedangkan syarikat induk mereka menghadapi masalah di negara sendiri, Perdana Menteri berkata ianya ada kaitan dengan suasana perniagaan keseluruhannya di Malaysia.

Satu lagi sebabnya, kata beliau, ialah daya produktiviti yang tinggi tenaga kerja Malaysia yang berlandaskan kepada kecekapan teknikal dan mudah untuk dilatih. -- Lagi

▼03/06/18-06MST

R GB 03-06 00158 BH160

bah

Mahathir - Halaman 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata cetusan ideanya untuk melahirkan sebuah masyarakat yang maju bercirikan sains dalam tahun 2020 bukanlah satu mimpi memandangkan pentingnya sains dan teknologi dalam pembangunan telah diiktiraf sejak Merdeka dan termaktub dalam Rukunegara dan digabungkan dalam program pendidikan.

Pada waktu itu, katanya, Malaysia akan mempunyai sebuah masyarakat "yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada peradaban saintifik dan teknologi".

Bagi menggalakkan lagi pembangunan teknologi, Dr Mahathir memberitahu pemimpin-pemimpin dan wakil sektor swasta dan awam yang menghadiri pelancaran itu bahawa kerajaan sedang menggubal Akta Rekabentuk Perindustrian yang akan dibentangkan di Parlimen.

"Yang demikian, harta-harta intelektual rakyat Malaysia dan juga pelabur asing dilindungi yang membawa kepada pemindahan teknologi ke Malaysia dengan teratur."

Dengan adanya undang-undang itu, pelabur asing boleh membawa teknologi mereka ke negara ini dengan bebas dengan jaminan bahawa teknologi mereka dilindungi di negara ini, katanya.-- Lagi

▼03/06/18-31MST

R GB 03-06 00151 BH163

bah

Mahathir - Halaman 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata langkah-langkah juga telah diambil untuk membantu memperdagangkan hasil penemuan saintifik bagi memupuk pembangunan teknologi pribumi yang diharap akan memainkan peranan penting bagi membawa industri Malaysia mempunyai kelebihan daya saing.

"Kestabilan politik dan mekanisme kewangan yang diadunkan dengan baik ialah antara syarat-syarat bagi perkembangan industri. Di Malaysia, kedua-dua syarat ini telah diberi pengiktirafan tinggi oleh dunia," katanya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Scientific American, John Hanley, dalam taklimatnya berkata halaman sisipan mengenai Malaysia yang dijangka siap dicetak seawal-awalnya Mac depan, adalah sempena sambutan jubli emas majalah itu.

Beliau berkata halaman dua muka berwarna dalam majalah itu, yang memberi tumpuan kepada penggunaan sains, teknologi dan perniagaan, memakan belanja AS\$36,400.

Majalah bulanan dengan edisi seluruh dunia sebanyak 600,000 naskhah itu dijual dengan harga AS\$3.95 senaskhah. -- Bernama

JO OA MIB

700 000 000 50000